

WORMNIL SUSPENSION

Pyrantel Pamoate (250 mg/ 5 ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Wormnil Suspension
2. Bagaimana Wormnil Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Wormnil Suspension
4. Cara menggunakan Wormnil Suspension
5. Semasa menggunakan Wormnil Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Wormnil Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Wormnil Suspension 250mg/5ml

Wormnil Suspension digunakan untuk merawat jangkitan cacing tunggal atau beberapa jenis cacing seperti gelang, jarum dan kerawit.

Bagaimana Wormnil Suspension 250mg/5ml berfungsi

Wormnil Suspension mengandungi Pyrantel Pamoate, tergolong dalam kumpulan ubat yang menghapuskan jangkitan cacing. Ia membunuh cacing.

Sebelum menggunakan Wormnil Suspension 250mg/5ml

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Wormnil Suspension jika:

- anda alah kepada pyrantel pamoate atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam Wormnil Suspension.
- anda mengalami kelemahan otot.
- anda mempunyai masalah fungsi hati.

- Sebelum mula menggunakan Wormnil Suspension 250mg/5ml

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda hamil atau menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli

farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Piperazine (rawatan untuk cacing benang dan cacing gelang) boleh menghalang kesan pyrantel. Pengambilan serentak adalah tidak digalakkan. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Wormnil Suspension 250mg/5ml

- Berapa banyak harus digunakan

6 bulan - 2 tahun: 2.5 ml - 5 ml

2 - 6 tahun: 5 ml

6 - 12 tahun: 10 ml

Selepas 12 tahun : 15 ml

- Bila perlu digunakan

Untuk diambil sebagai dos tunggal atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Tida berkenaan.

- Jika mengambil dos secara berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera jika anda mengalami:

- kabur penglihatan; kekeliruan; pening, pengsan, atau pitam apabila bangun dari posisi berbaring atau duduk, berpeluh; keletihan atau kelemahan yang luar biasa, degupan jantung tidak teratur.
- pengecutan, sentakan atau kelemahan otot.

- kesukaran bernafas; hilang kesedaran.

Semasa menggunakan Wormnil Suspension 250mg/5ml

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Wormnil Suspension. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi Wormnil Suspension kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama dengan anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan doktor atau ahli farmasi anda memberitahu anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati di dalam penggunaan Wormnil Suspension semasa hamil dan menyusukan anak harus diberi perhatian yang lebih teliti. Bincang dengan doktor dahulu faedah rawatan berbanding dengan risiko ubat kepada bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Wormnil Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan dialami biasanya ringan dan jarang berlaku Kesan sampingan yang dilaporkan adalah:

- hipersensitiviti (ruam kulit)
- pening; mengantuk; sakit kepala; mudah marah; sukar tidur)
- gangguan gastrousus (sakit atau kekejangan perut, cirit-birit; hilang selera makan; loya atau muntah)

WORMNIL SUSPENSION

Pyrantel Pamoate (250 mg/ 5 ml)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Wormnil Suspension 250mg/5ml

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat yang kering dan lindungi ubat ini daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi likat berwarna kuning, dengan bau buah dan rasa manis.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Pyrantel pamoate

- Bahan-bahan tidak aktif

Tutti fruity, propylene glycol, sorbitol, rhodigel, sodium saccharin, gum tragacanth, purified water.

- Nombor MAL:

MAL19940588XC

Pemegang Pendaftaran Produk

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.

(445695-T)

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,

Lorong IKS Simpang Ampat B,

14100 Simpang Ampat, S.P.S.,

Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

02/06/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)020621/00030

Pengilang

Teraputics Sdn. Bhd. (590500-W)

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,

Lorong IKS Simpang Ampat B,

14100 Simpang Ampat, S.P.S.,

Pulau Pinang, Malaysia